

3756/2
Prinsip
Perakaunan
Kertas 2
September
2½ jam



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **dua** soalan dalam **Bahagian B**.
3. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
4. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
5. **Tunjukkan kerja mengira**. Ini membantu anda mendapatkan markah.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
8. Anda diingatkan untuk menulis nama dan tingkatan pada halaman hadapan **Helaian Jawapan** yang disediakan.
9. Semua kertas jawapan dan jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak



Bahagian A
[60 markah]
Jawab **semua** soalan.

1. (a) Nyatakan akaun yang perlu didebitkan dan dikreditkan bagi urus niaga berikut.

Pemilik mengeluarkan tunai dari bank untuk kegunaan anaknya.

[2 markah]

- (b) Maklumat berikut diperolehi daripada Marina Enterprise pada 31 Disember 2023.

	RM
Modal Awal	40 000
Modal Akhir	40 400
Modal Tambahan	13 400
Rugi Bersih	8 200
Ambilan	X

Hitung jumlah ambilan.

[2 markah]

- (c) Berdasarkan maklumat berikut, nyatakan prestasi Perniagaan Anuar.

Butir	Belanjawan RM	Sebenar RM	Prestasi
Jualan	70 000	100 000	(i)
Gaji	8 800	10 500	(ii)

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut diperolehi daripada dua perniagaan yang menjual alatan sukan pada 31 Mei 2024.

Nama Perniagaan	Nisbah Semasa
Darwisy Trading	2.60:1
Qistina Trading	2.20:1

Perniagaan manakah yang lebih baik. Berikan alasan anda.

[2 markah]

- (e) Nyatakan **dua** sebab pembubaran perkongsian.

[2 markah]

2. Cik Emina menjalankan perniagaan menjual peralatan perkhemahan di Krubong, Melaka. Berikut adalah baki-baki akaun yang diperolehi daripada buku perniagaannya pada 31 Disember 2023.

Perniagaan Peralatan Perkhemahan Emina
Imbangan Duga pada 31 Disember 2023

	Debit RM	Kredit RM
Lengkapan (kos)	29 900	
Kenderaan (kos)	138 600	
Susut nilai terkumpul lengkapan		3 000
Susut nilai terkumpul kenderaan		19 980
Insurans	2 400	
Pulangan	800	1 030
Tunai	4 880	
Bank		2 880
Sewa kedai	10 800	
Angkutan masuk	860	
Hutang lapuk terpulih		500
Hutang lapuk	1 700	
Gaji dan upah	36 300	
Faedah atas overdraf bank	1 040	
Faedah atas pinjaman	2 500	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	15 500	15 360
Belian dan Jualan	70 240	152 220
Peruntukan hutang ragu		630
Utiliti	3 600	
Pinjaman		35 000
Inventori 1 Januari 2023	39 080	
Modal 1 Januari 2023		127 600
	358 200	358 200

Maklumat tambahan:

(i) Inventori pada 31 Disember 2023:

Produk	Beg penyimpanan	Khemah besar	Meja lipat	Jumlah
Harga kos (RM)	24 250	14450	10500	49200
Harga pasaran (RM)	25150	14 000	11500	50650

- (ii) Seorang pelanggan didapati muflis dan hutangnya sebanyak RM1 200 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 4% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (iv) Dokumen berikut masih belum direkod.

Perniagaan Peralatan Perkhemahan Emina No.2A Taman Satu Krubong, 75260 Melaka MEMO Tarikh: 1 April 2023 Pemilik membawa masuk rak pameran bernilai RM800 untuk kegunaan perniagaan. <i>Emina</i> (Pengurus)

- (v) Cik Emina menetapkan kaedah pengiraan susut nilai seperti berikut:
- Lengkapan disusut nilai 10% setahun mengikut garis lurus.
 - Kenderaan disusut nilai dengan kadar 15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (vi) Pinjaman bank dibuat pada 1 Januari 2021 sebanyak RM50 000.
Tempoh pinjaman selama 10 tahun.
- (vii) Kadar faedah atas pinjaman adalah 6% setahun berdasarkan nilai pinjaman asal.
- (viii) Insurans prabayar sebanyak RM400.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023. [12 markah]

3. Kilang Tekstil Ups mengeluarkan kain tenunan di Ayer Keroh Melaka.

Maklumat berikut diperolehi daripada buku-buku perakaunannya pada 31 Disember 2023.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Inventori bahan langsung	23 630	33 450
Inventori barang siap	34 620	43 740
Alat-alat kecil	2 180	1 320
Kerja dalam proses:		
Bahan langsung	1 570	1 550
Buruh langsung	2 440	2 420
Overhed	1 390	2 400
Mesin		105 620
Alatan pejabat		68 840
Belian bahan langsung		183 970
Belian barang siap		16 400
Belian alat-alat kecil		1 960
Jualan		654 210
Pulangan jualan		36 320
Pulangan belian		9 890
Belanja membaiki mesin		3 210
Angkutan masuk bahan langsung		4 000
Angkutan keluar		8 640
Buruh tak langsung kilang		2 140
Gaji operator pengeluaran		180 400
Gaji jurujual		17 050
Sewa		66 000
Utiliti		33 000
Insurans kilang		12 080
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		1 942
Susut nilai terkumpul mesin		45 720

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 1 Disember 2023, empat orang operator pengeluaran telah diambil bekerja dengan gaji bulanan RM1 500 seorang. Perkara ini belum dicatat dalam mana-mana buku.
- (ii) Pulangan belian RM9 890 adalah untuk:
- Bahan langsung RM3 570
 - Barang siap RM6 320
- (iii) Satu Nota Debit telah diterima pada 11 Mei 2023 kerana angkutan masuk bahan langsung berkurang caj sebanyak RM500. Perkara ini belum dicatat dalam mana-mana buku.
- (iv) Royalti RM5 930 masih belum direkod.
- (v) Utiliti belum bayar RM600.
- (vi) Utiliti hendaklah dibahagikan mengikut kadar 75% kilang dan 25% pejabat.
- (vii) Susut nilai aset bukan semasa adalah seperti berikut:

Aset	Kaedah	
Alatan Pejabat	Baki berkurangan	10% setahun
Mesin	Ansuran Tetap	Usia guna: 6 tahun
		Nilai skrap RM10 562

- (viii) Sewa dibahagikan antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 4:1.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Alat-alat kecil. [3 markah]
- (b) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [17 markah]
- (c) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [5 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab **DUA** soalan sahaja.

4. Ali dan Hud ialah pekongsi dalam Perkongsian ALHUD yang beroperasi di Kota Cemerlang, Melaka.

Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Perkongsian ALHUD pada 30 Jun 2024.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Kenderaan	34 000	
Alatan Pejabat	7 500	
Premis	53 120	
Susut nilai terkumpul kenderaan		3 400
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		1 425
Akaun Belum Terima	4 700	
Bank	10 180	
Tunai	1 400	
Pinjaman daripada Hud		20 000
Untung bersih		41 540
Akaun Belum Bayar		14 195
Modal 1 Julai 2023:		
Ali		36 000
Hud		24 000
Akaun Semasa 1 Julai 2023:		
Ali		3 790
Hud	1 450	
Ambilan:		
Ali: 1 Oktober 2023	5 000	
Hud: 1 Januari 2024	4 000	
: 1 Mac 2024	2 000	
Gaji Ali	8 000	
Gaji Hud	13 000	
	144 350	144 350

Ikatan perkongsian perniagaan ini menetapkan perkara berikut:

- (i) Kadar faedah atas modal 10% setahun.
- (ii) Kadar faedah atas ambilan 6% setahun.
- (iii) Kadar faedah atas pinjaman ditetapkan mengikut Akta Perkongsian 1961.
- (iv) Ali dan Hud menguruskan perkongsian dan dibayar gaji tahunan RM12 000 masing-masing.
- (v) Untung atau rugi dibahagikan di antara Ali dan Hud mengikut nisbah modal.

Maklumat tambahan:

- (i) Terima cek RM300 atas hutang yang telah dihapuskan.
- (ii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (iii) Faedah atas pinjaman Hud belum diambil kira.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Pelarasan Untung Bersih. [4 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024. [7 markah]
- (c) Akaun Semasa perkongsi (beruangan). [9 markah]

5. (a) Urus niaga berikut diperoleh daripada buku-buku perniagaan Ammar Faiq Collection.

Tarikh	Butir	No. Cek	Jumlah
2024			RM
Julai 1	Baki tunai di tangan		1 421
	Baki tunai di bank		3 214
3	Jualan tunai dibankkan		945
7	Menerima cek daripada Fizah Best		4 210
8	Belian tunai	513104	1 950
11	Bayar Pembekal Cahaya	513105	1 650
14	Jualan tunai		4 260
	Tunai dibankkan		4 300
17	Terima cek daripada Kedai Furqan		724
20	Ambilan barang niaga		830
25	Bayar gaji	513106	3 200
29	Bayar utiliti	513107	350

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai untuk mencatat urus niaga bagi bulan Julai 2024.

[10 markah]

- (b) Pada 3 Ogos 2024, Ammar Faiq menerima penyata bank bagi bulan Julai 2024.

BANK BAHAGIA				
Penyata Bank				
Kepada:		No. Akaun: 72513649		
Ammar Faiq Collection		Tarikh : 31 Julai 2024		
Tarikh	Butir	Debit	Kredit	Baki
2024		RM	RM	RM
Julai 1	Baki b/b			3 404
3	Deposit		945	4 329
4	Buku Cek	50		4 299
5	Perintah sedia ada - Insurans	120		4 179
11	Cek No. 513104	1 950		2 229
	Cek No. 513102	190		2 039
13	Cek No. 513105	1 560		479
14	Deposit		4 300	4 779
29	Cek No. 513106	3 200		1 579
31	Dividen - Syarikat Maahal		267	1 846

Maklumat tambahan:

- Cek bernombor 513105 telah tersilap catat di Buku Tunai.
- Cek dibankkan pada 17 Julai 2024 telah dipulangkan oleh bank dengan tanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.

Berdasarkan jawapan di 2(a), **anda dikehendaki:**

- mengemas kini Buku Tunai (ruangan bank sahaja). [6 markah]
- menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2024 [4 markah]

6. (a) Kitara Berhad mempunyai modal berdaftar terdiri daripada 1 000 000 unit 8% Syer Keutamaan RM2 sesyer dan 500 000 unit Syer Biasa RM1 sesyer. Semua syer diterbitkan dan berbayar penuh.

Maklumat berikut menunjukkan untung untuk diagihkan sebagai dividen bagi tahun berakhir:

Tahun	Untung Untuk Diagihkan RM
2021	180 000
2022	0
2023	350 000

Anda dikehendaki mengira agihan dividen Syer Keutamaan dan Syer Biasa bagi tahun 2021, 2022 dan 2023. [6 markah]

- (b) Jadual berikut menunjukkan jumlah kos dan jumlah hasil Kilang Blue Station yang mengeluarkan botol minuman.

Unit keluaran	Jumlah kos RM	Jumlah hasil RM
2 000	80 000	90 000
3 000	100 000	135 000
4 000	120 000	180 000

Kos tetap diandaikan malar.

- i. **Anda dikehendaki** menghitung

1. Kos berubah seunit [2 markah]
2. Kos tetap [2 markah]
3. Harga jualan seunit [2 markah]
4. Titik pulang modal (unit) [2 markah]

ii. Berdasarkan jawapan anda di (a), **anda dikehendaki** melakar graf titik pulang modal dengan menunjukkan

- Garisan kos tetap
- Garisan jumlah kos
- Garisan jumlah hasil
- Titik pulang modal

[6 *markah*]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT